

Penyampai : Y. BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS SANTAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN SERI
PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG BERSAMA PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
(PTD)
Lokasi : JW MARRIOT HOTEL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 20-09-2004

DRAF TEKS UCAPAN

Y. BHG. KETUA SETIAUSAHA NEGARA
DI MAJLIS SANTAPAN SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG DAN
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
BERSAMA PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD)

Pada 20 SEPTEMBER 2004, Jam 8.00 malam

Di JW MARRIOT HOTEL, KUALA LUMPUR

Bismillahirrahmanirrahim

Mengadap

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail,

Dan

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Tuanku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid.

Ampun Tuanku.

1. Izinkan patik mulai dengan melafazkan rasa syukur kehadiran Allah Subhanahu Wataâ€™ala di atas limpah nikmat dan rahmatNya kepada kita semua. Patik, bagi pihak warga Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Tuanku berdua, di atas limpah

perkenan Tuanku berdua berangkat ke Majlis Santapan Di Raja pada malam ini.

2. Sesungguhnya dengan keberangkatan Tuanku berdua pada malam ini melambangkan sikap mesra rakyat Tuanku berdua serta menzahirkan keprihatinan Tuanku kepada anggota perkhidmatan awam. Pastinya ia akan menjadi satu kenangan manis buat patik sekalian, warga Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik.

Ampun Tuanku

3. Seterusnya, patik dengan segala hormat dan takzimnya, memohon perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Yang Amat Berhormat Dato Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, dan

Yang Amat Berbahagia Datin Seri Endon bt Mahmood,

Yang Berbahagia Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, dan

Yang Berbahagia Datin Seri Hazlin bt Abdul Karim

Yang Berbahagia Dato Seri Aseh bin Che Mat

Presiden Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Majlis

Santapan DiRaja; dan

Yang Berbahagia Datin Seri Khadijah bt Mohd Yassin

Para hadirin dan warga PTD yang dihormati sekalian,

4. Syukur Alhamdulillah, di atas limpah kurnia dan dengan izin Allah Subhanahu Wataâ€™ala kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Santapan Di Raja pada malam ini yang sungguh bermakna kepada warga PTD sekalian.

5. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak Jawatankuasa Pengelola yang telah berusaha dengan penuh semangat dan ketulusan untuk menjayakan majlis pada malam ini. Semoga Allah memberkati majlis yang mulia ini dan menghubungkan hati-hati kita semua dalam satu ikatan silaturrahim yang memberi kekuatan azam dan tekad yang teguh untuk terus berbakti dengan penuh ikhlas dan jujur, demi kesejahteraan rakyat dan negara yang tercinta. Di majlis yang indah ini, izinkan saya bagi pihak semua anggota Perkhidmatan Awam mengucapkan terima kasih daun keladi kepada Kerajaan kerana bermurah hati memberi bonus atau bayaran prestasi khas kepada kita semua.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Perkhidmatan awam Malaysia telah diakui sebagai antara yang terbaik di dunia pada hari ini, yang dibina atas asas dan landasan yang kukuh, dan seterusnya dimajukan oleh pemimpin-pemimpin negara kita bersama penjawat-penjawat awam. Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, pelbagai perubahan dan pembaharuan telah dilakukan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih relevan dan berkeupayaan dalam memainkan peranannya bagi meningkatkan kecemerlangan negara dan kesejahteraan rakyat. Usaha-usaha pemodenan dan kemajuan pentadbiran awam telah dilipat gandakan seiring dengan pembangunan negara yang rancak. Manakala usaha-usaha peningkatan kualiti dan penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada orang ramai, dilaksanakan secara intensif dan berterusan. Pada masa yang sama, pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan awam terus diberi keutamaan. Kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk tujuan tersebut dengan membina banyak institusi latihan bagi memberi latihan khusus kepada pelbagai golongan penjawat awam, di samping menghantar ramai pegawai kerajaan ke luar negara untuk berkursus dan mendapat kelulusan yang lebih tinggi.

7. Kerajaan telah memberi komitmen penuh kepada pewujudan jentera pentadbiran yang cekap dan responsif kepada kehendak rakyat dan sektor swasta. Perkara ini ditegaskan semula oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2005 pada 10 September 2004 baru-baru ini, yang perlu kita beri perhatian dan mengambil tindakan susulan sewajarnya. Dalam Ucapan Bajet 2005, Y.A.B. Perdana Menteri telah menggariskan empat strategi utama ke arah memantapkan lagi pencapaian negara. Strategi pertama adalah meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan Kerajaan, kecekapan sistem penyampaian dan daya saing negara. Ini melibatkan, antara lainnya, perkara-perkara berikut:

i) Memantapkan pengurusan kewangan dan perbelanjaan agensi Kerajaan, di mana setiap agensi dan jabatan perlu memberi perhatian yang serius kepada laporan audit oleh Ketua Audit Negara dan bertindak segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau sendiri akan memantau perkara ini melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK).

ii) Memperkemaskan jentera pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan mengkaji semula sistem dan prosedur kerja, termasuk undang-undang dan garis panduan yang lapuk. Dalam hal ini, Y.A.B. Perdana Menteri membuat rujukan khusus kepada undang-undang serta sistem dan proses kerja di 16 buah Kementerian yang telah dikenalpasti untuk dikemaskini. Ini adalah berdasarkan maklumbalas Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Karenah Birokrasi di kementerian-kementerian berkenaan. Sehubungan ini, MAMPU akan memantau secara dekat usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Karenah Birokrasi di setiap kementerian.

iii) Memperkenalkan pendekatan Disclosure Based Regulation (DBR) atau peraturan berdasarkan pengisytiharan bagi memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Konsep DBR ini adalah selaras dengan usaha-usaha self regulation yang telah pun diperkenalkan di bawah langkah-langkah "Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara dalam tahun 2003, serta penambahbaikan lain seperti cadangan untuk menghapuskan keperluan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dan Service Level Agreement (SLA). Panel Memajukan Perkhidmatan Awam sememangnya telah memberi perhatian kepada usaha-usaha self regulation. Kini dengan keputusan Kerajaan untuk mengamalkan konsep DBR, agensi Kerajaan perlulah mengubah cara beroperasi, iaitu beralih dari paradigma memberi kelulusan terhadap sesuatu permohonan berdasarkan syarat-syarat tertentu kepada keadaan di mana kelulusan diberi secara automatik berdasarkan pengisytiharan pemohon bahawa semua syarat telah dipenuhi.

8. Y.A.B. Perdana Menteri juga memaklumkan tentang usaha menerapkan budaya berprestasi tinggi melalui pelaksanaan Indeks Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) yang telah mula dilaksanakan di Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan atau Government Linked Companies (GLC). Beliau menegaskan bahawa KPI akan turut dilaksanakan di agensi-agensi awam, bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengurusan agensi Kerajaan. Dalam hal ini, pelaksanaan KPI secara perintis telah dimulakan di enam agensi, iaitu Jabatan Imigresen Negeri Johor, Jabatan Pendaftaran Negara Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Balai Polis Shah Alam dan Hospital Kota Bharu.

9. Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicators (KPI) dan Melaksanakan Pengukuran Prestasi di Agensi Kerajaan sedang disediakan oleh pihak MAMPU. Pihak MAMPU juga akan mengambil tindakan susulan seterusnya secepat mungkin untuk mengedarkan garis panduan mengenai pelaksanaan KPI ini serta menentukan strategi bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman ketua-ketua jabatan tentang pelaksanaan garis panduan tersebut, termasuk peranan mereka dalam menerapkan budaya pengukuran prestasi di organisasi masing-masing. Saya sangat berharap pegawai-pegawai PTD amnya, dan Ketua-Ketua Setiausaha serta Ketua-Ketua Jabatan yang terdiri dari pegawai PTD khususnya, akan menyahut gesaan ini dan menjayakan apa yang dihasratkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita.

Para hadirin sekalian,

10. Perubahan dan penambahbaikan yang telah dan akan diperkenalkan adalah bertujuan bagi memantapkan lagi keupayaan perkhidmatan awam dalam memainkan peranannya untuk membawa kemajuan kepada masyarakat dan pembangunan negara. Jentera pentadbiran kerajaan akan digerakkan dengan lebih cekap dan berkesan untuk memastikan projek-projek dan program-program pembangunan dilaksanakan seperti yang dirancang. Hasil mahsul dan cukai dipungut dengan lebih cekap, dan sistem

keuangan negara ditadbir secara berhemah bagi mengukuhkan kedudukan keuangan negara. Pelbagai insentif dan galakan telah disediakan untuk menarik pelaburan luar ke negara kita, dengan memudahkan prosedur bagi membantu para usahawan membangunkan sektor industri, perkilangan dan perkhidmatan, dan seterusnya menghasilkan pekerjaan kepada rakyat. Malah, perkhidmatan awam sebagai agen perubahan telah berjaya mengekalkan keamanan, kedamaian dan keharmonian hidup serta mengubah minda masyarakat melalui pelbagai media dan penguatkuasaan undang-undang. Semua usaha ini telah berjaya menaikkan taraf hidup rakyat dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara termaju di kalangan negara-negara yang sedang membangun.

11. Walaupun kita boleh berbangga dan bersyukur dengan kejayaan-kejayaan kita, namun masih terdapat aduan dan rungutan dari semasa ke semasa daripada pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan awam. Ternyata ekspektasi rakyat dan stakeholders merupakan cabaran yang perlu terus ditangani oleh perkhidmatan awam. Kita perlu sedar bahawa harapan dan ekspektasi itu terus meningkat dan ia memerlukan usaha yang berterusan untuk memenuhinya. Walaupun kita sering kali dinilai berasaskan kelemahan-kelemahan dan bukan atas kejayaan-kejayaan yang telah dicapai, namun sebagai anggota perkhidmatan awam kita tidak boleh mudah putus asa. Malah, kita perlu menganggap ia merupakan satu cabaran untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik. As civil servants we are expected to perform and to deliver. Adalah tidak memadai untuk kita sekadar melafazkan ikrar untuk berkhidmat atau menyampaikan perkhidmatan secara ala kadar sahaja, sedangkan kita dituntut untuk berkhidmat dengan penuh komitmen dan secara profesional bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, selaras dengan ekspektasi rakyat dan pucuk pimpinan negara.

12. Sesungguhnya kerajaan adalah committed untuk mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang cemerlang dan bertaraf dunia, yang memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan baik dari kalangan rakyat mahu pun dari kalangan pelanggan luar negara yang berpotensi membawa masuk pelaburan yang bernilai kepada ekonomi negara. Untuk mencapai maksud ini, anggota perkhidmatan awam perlulah sensitif terhadap sebarang maklumbalas dan aduan terhadap perkhidmatan awam, dan bertindak pantas melaksanakan perubahan bagi menghapuskan imej birokratik serta rigid dengan kepelbagaian kekangan yang menghalang kelicinan pengurusan. Kita perlu menonjolkan imej baru yang mencerminkan sikap yang responsif serta sentiasa bersedia untuk memudahkan urusan pelanggan, dan pada masa yang sama, tetap teguh dengan amalan etika kerja yang profesional. Kita perlu bertekad untuk menjadikan perkhidmatan awam kita perkhidmatan awam yang cemerlang. Setelah mencapai tahap itu, kita harus terus berusaha untuk menjadikannya yang gemilang antara yang cemerlang dan selanjutnya di antara yang gemilang itu kita usahakan selanjutnya untuk menjadikan perkhidmatan awam yang terbilang, Insya Allah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

13. Bagi kita dalam perkhidmatan PTD, kita harus bersyukur dan berbangga bahawa pegawai-pegawai PTD mempunyai tempat yang istimewa di dalam struktur perkhidmatan awam negara kita. Pegawai-pegawai PTD diberi amanah untuk menerajui semua kementerian dan pelbagai organisasi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Kedudukan di peringkat kepimpinan ini semestinya membawa tanggungjawab yang besar dan berat. Di sinilah timbul cabaran yang memerlukan kepimpinan PTD untuk menunjukkan contoh dan tauladan profesionalisme yang berlandaskan etika moral di tahap tertinggi, ke arah pembentukan budaya kerja yang benar-benar utuh dan berintegriti.

14. Untuk memastikan organisasi yang diterajui mencapai tahap prestasi yang terbaik, pembelajaran yang berterusan, penggunaan teknologi yang terkini, pengkhususan yang mendalam dalam bidang-bidang yang dipertanggungjawabkan adalah perlu, bagi perjalanan dan kecekapan organisasi mencapai tahap cemerlang. Tanggungjawab dan kedudukan istimewa yang diberi kepada perkhidmatan PTD sewajarnya dikendalikan di tahap etika kerja yang tertinggi untuk memberi erti kepada amanah dan kepercayaan yang diberikan. To quote the words of Y.A.B. Perdana Menteri, "kita yang diberi amanah hendaklah beramanah. Indeed integrity, trustworthiness, a deep sense of responsibility, and undivided loyalty to the King, country, and the government in power are the hallmarks of a PTD officer. Kualiti-kualiti inilah yang perlu dipupuk, dibaja, dihayati dan diamalkan agar pegawai-pegawai PTD terus mendapat kepercayaan dari kerajaan yang memerintah dan rakyat. PPTD sebagai penyokong warisan generasi demi generasi pegawai PTD sewajarnya mewariskan perkara ini di kalangan generasi muda PTD.

15. Marilah kita bersama-sama membulatkan tekad serta azam untuk memberi sepenuh tenaga dan bakti demi menjayakan matlamat dan cita-cita negara. Segala nikmat kesejahteraan, kedamaian serta keamanan yang dianugerahkan Allah hendaklah kita manfaatkan sepenuhnya dengan menambah khidmat bakti kita dengan penuh jujur dan ikhlas agar nikmat-nikmatNya terus melimpah ke atas kita semua. Janganlah sekali kali kita mendustakan nikmat Allah kepada kita semua.

16. Kepada pihak Kerajaan, kami merakamkan janji akan terus melipat gandakan usaha untuk memastikan segala program dan aktiviti yang digariskan oleh kepimpinan negara bagi menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang, dan bagi memenuhi matlamat dan wawasan negara, terlaksana dengan jayanya. Kepada Allah jua kita letakkan harapan dan doa agar negara kita terus aman dan makmur dan kita diberi petunjuk dan hidayah agar dapat membuat sumbangan kepada negara dan kehadiran kita dalam perkhidmatan awam makes a difference!

Ampun Tuanku

17. Patik, sekali lagi merafakkan sembah menjunjung kasih di atas perkenan Tuanku berdua berangkat hadir di Majlis Santapan ini. Patik juga mendoakan agar Seri Paduka Baginda Tuanku berdua berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wataala dan dikurniakan kesihatan yang sempurna serta memerintah negara Malaysia dengan aman, makmur dan sejahtera.

Sutera songket panjang sembilan,

Panjang Sutera hingga kepalanya,

Tuanku laksana permata intan,

Kami menumpang akan cahayanya.

Ampun Tuanku.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahita ala Wabarakatuh.